

01 NOV 2002

MODENAS-SKUTER

SKUTER "KARISMA" KELUARAN MODENAS DI PASARAN JANUARI 2003

GURUN, 1 Nov (Bernama) -- Skuter sulung keluaran Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) yang dinamakan "Karisma", akan berada di pasaran bermula Januari tahun depan.

Skuter empat lejang berkuasa 125 cc itu akan dijual pada harga di bawah RM5,000 sebuah, kata Pengarah dan Pengerusi Exco Modenas/Emos (Edaran Modenas Sdn Bhd) Datuk Mohd Nor Mohamad.

Pembeli yang berminat boleh membuat tempahan mulai hari ini dengan bayaran RM50 kepada wakil pengedar Modenas bagi mendapatkan harga pengenalan istimewa yang dibuka hanya kepada 3,000 pembeli pertama, katanya kepada sidang media selepas pelancaran nama skuter berkenaan di kilang Modenas di sini, hari ini.

Beliau menjelaskan nama "Karisma" dipilih sendiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ia merupakan nama yang menarik, sedap disebut dan melambangkan kecantikan.

"Sebelum itu, kita telah melakukan tinjauan di kalangan petugas Modenas dan Emos mengenai nama skuter berkenaan, dan hasilnya lima nama telah disenarai pendek dan diserahkan kepada Dr Mahathir untuk dipilih," katanya.

Beliau berkata Modenas mengumumkan nama skuter itu lebih awal sebagai satu strategi pemasaran.

"Faktornya adalah untuk memberi keyakinan kepada wakil pengedar Modenas dan pembeli bahawa skuter itu akan berada di pasaran Januari ini.

"Yang kedua bagi mengelakkan kekeliruan dengan skuter Comel, yang bukan merupakan keluaran Modenas tetapi telah disalah anggap sebagai keluaran Modenas," katanya.

Mohd Nor juga berkata Modenas memasuki pasaran skuter kerana permintaan terhadap skuter telah meningkat sejak tahun lepas, berbanding dua hingga tiga tahun lepas, di mana skuter tidak mendapat perhatian para pembeli.

Pasaran skuter dianggarkan sekitar 18,000 unit tahun ini berbanding 6,000 unit pada tahun lepas. Pada tahun depan, pasaran skuter dianggarkan sebanyak 24,000 unit.

"Karisma dijangka menguasai 40 peratus daripada keseluruhan pasaran skuter pada tahun depan," katanya.

Karisma adalah produk ketiga Modenas, selepas Kriss dan Jaguh. --

BERNAMA

MZM JR